



Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas, terdiri daripada **Anak Negeri Selangor** yang berkeelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

- (a) **JAWATAN** : Pembantu Laut Gred A19
(b) **JABATAN** : Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor
(c) **TARAF JAWATAN** : Tetap
(d) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Kumpulan Pelaksana
(e) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : Pengangkutan
(f) **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** : **01 Mei 2022**
(g) **JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM:** :

GRED GAJI	MINIMUM (RM)	MAKSIMUM (RM)	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
A19	1,362.00	4,034.00	100.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
GRED A19 [Gaji Permulaan : RM1,362.00]; atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
GRED A19 [Gaji Permulaan : RM1,362.00]; atau
 - (iii) *Mate On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
GRED A19 [Gaji Permulaan : RM1,420.12]; atau
 - (iv) *Engineer Officer Of Less Than 750 kW On Domestic and Near Coastal Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
GRED A19 [Gaji Permulaan : RM1,420.12]; atau
 - (v) *Master On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
GRED A19 [Gaji Permulaan : RM1,478.24]; atau
 - (vi) *Officer In Charge Of Navigational Watch Less Than 500 GT Near Coastal Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
GRED A19 [Gaji Permulaan : RM1,536.36]

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

3. Bertanggungjawab untuk membantu melicinkan perjalanan urusan pendaftaran dan keselamatan kapal, keselamatan pelayaran, hal ehwal pelaut dan pelabuhan, latihan teknikal maritim, projek-projek pembangunan serta membantu dalam membuat kajian dan penilaian terhadap konvensyen-konvensyen antarabangsa dan perundangan laut.